



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 JUN 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **28 kes yang telah pulih** dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,559 kes** (79.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 4 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat 277 kes baharu yang telah dilaporkan. **Kes penularan tempatan di kalangan warganegara Malaysia adalah hanya empat (4) kes.** Kes penularan di kalangan bukan warganegara adalah 271 kes, manakala terdapat dua (2) kes import warganegara Malaysia yang mendapat jangkitan di luar negara.

Jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia kini adalah sebanyak 8,247 kes, dan kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah sebanyak 1,573 kes. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

270 kes di kalangan bukan warganegara adalah daripada Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil, di mana ini merupakan sampel ulangan bagi Orang Kena Tahan (OKT) yang dikuarantin di depot tahanan ini. Mereka telah terdedah kepada kes positif sebelum ini. Manakala satu (1) kes bukan warganegara adalah saringan tapak pembinaan di Pudu.

Sehingga kini, sebanyak enam (6) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, dua (2) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada kes kematian** berkaitan COVID-19 dilaporkan hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **115 kes** (1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **PEJABAT KESIHATAN DAERAH (PKD) ADALAH PASUKAN TINDAKAN UTAMA DALAM USAHA MEMBENDUNG DAN MENCEGAH COVID-19 DI MALAYSIA**

Penularan wabak COVID-19 di kalangan rakyat Malaysia kini telah mencapai satu angka dan setakat ini tiada peningkatan mendadak. Hospital-hospital KKM juga kini melihat pengurangan kes-kes COVID-19 yang memerlukan rawatan di

wad COVID-19 biasa mahupun di Unit Rawatan Rapi (ICU). Ini adalah hasil tindakan Kesihatan Awam yang dijalankan secara agresif dan tertumpu di lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dengan kerjasama pelbagai pihak. Kini pendekatan yang sama digunakan bagi terus mengawal penularan di kalangan kes warganegara dan bukan warganegara.

Sejak sebelum ini lagi, PKD telah memainkan peranan yang amat penting dalam pelaksanaan pelbagai tindakan mencegah dan membendung jangkitan yang dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan. Salah satu tindakan penting yang telah mula dilaksanakan sejak permulaan gelombang COVID-19 adalah aktiviti siasatan dan pengesanan secara aktif bagi kes COVID-19.

Siasatan dan pengesanan kes COVID-19 merangkumi:

- Siasatan kes COVID-19 di lapangan termasuk kontak rapat mereka;
- Pengesanan kes secara aktif atau *Active Case Detection* (ACD) dijalankan dari rumah ke rumah;
- Aktiviti saringan secara bersasar (*targeted mass screening*);
- Persampelan secara Pandu Lalu (*drive through*);
- Aktiviti nyah kuman di rumah pesakit, lokasi di mana ACD telah dijalankan dan juga tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai berisiko tinggi.

Peranan penyelarasan bagi semua aktiviti ini adalah dimainkan oleh Bilik Gerakan COVID-19 di setiap daerah dan negeri. Ini

merupakan satu faktor utama yang telah menjayakan koordinasi pelbagai aktiviti yang berjalan serentak di seluruh negara.

Selain itu, Pejabat Kesihatan Daerah juga memastikan Klinik Kesihatan perlu terus bersiapsiaga untuk menjalankan saringan COVID-19 di kaunter yang telah dikenal pasti. Klinik Kesihatan tertentu di daerah masing-masing dipilih sebagai pusat pengambilan sampel dan juga sebagai Klinik Sentinel.

Aktiviti surveilan kes COVID-19 pula dijalankan melalui aktiviti pengambilan sampel dengan kerjasama pelbagai pihak. Langkah ini memberi petunjuk kepada pihak kesihatan mengenai penduduk yang terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19. Menerusi aktiviti surveilan juga, arahan pengasingan dan pembebasan, pemantauan kesihatan bagi kes-kes kuarantin di rumah dan di pusat kuarantin turut dikeluarkan. Ini adalah tertakluk kepada Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Kes-kes yang telah dikuarantin ini diuruskan oleh Pasukan Kesihatan yang bertugas di stesen-stesan kuarantin yang diwartakan. Ia merupakan satu operasi interagensi yang memantau kesihatan *Person Under Surveillance (PUS)* yang ditempatkan di sana.

Seperti makluman umum, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) merupakan satu tindakan Kerajaan yang membolehkan aktiviti kesihatan awam dijalankan. Terutamanya pengesanan kes baharu di sesebuah lokasi berisiko tinggi yang dikesan mempunyai penularan jangkitan COVID-19. Sepanjang tempoh PKPD tersebut, bancian penduduk dari rumah ke rumah

oleh anggota pasukan kesihatan dan aktiviti persampelan oleh petugas-petugas Klinik Kesihatan bagi mengesan kes-kes berisiko dijalankan.

Aktiviti sebegini agak mencabar kerana anggota perlu memakai peralatan kelengkapan diri (PPE) berjam lamanya dalam keadaan cuaca panas dan berdepan dengan pelbagai cabaran lain.

Antara tugas lain oleh pihak PKD termasuk:

- menjalankan aktiviti promosi kesihatan dan sokongan psikososial bagi memastikan masyarakat setempat di kawasan PKPD menerima maklumat yang tepat dan mengamalkan langkah-langkah pencegahan;
- pengurusan jenazah bagi kes kematian COVID-19 melalui penyeliaan dan pengebumian mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP)

Walaupun jumlah kes hari ini, terutama di kalangan bukan warganegara telah mencatat satu angka yang agak tinggi, namun peningkatan kes ini adalah juga kesan daripada tindakan cemerlang oleh Pejabat Kesihatan Daerah di lapangan. Terima kasih diucapkan kepada semua petugas pelbagai agensi yang telah bekerjasama sebagai satu pasukan di lapangan dan di Bilik Gerakan bagi terus menangani wabak COVID-19.

## NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Masyarakat dinasihatkan untuk terus mempraktikkan norma dan kebiasaan baharu sebagai satu amalan dan budaya dalam kehidupan seharian. Kerjasama daripada setiap individu boleh menjamin rantaian jangkitan COVID-19 diputuskan di negara kita dengan amalan berikut, misalnya:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elak bersalaman / bersentuhan;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan amalan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Orang ramai diseru agar sentiasa patuh kepada S.O.P:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;

- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

4 Jun 2020 @ 5.00 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI  
MALAYSIA  
(SEHINGGA 4 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	0	18
<b>KEDAH</b>	0	96
<b>PULAU PINANG</b>	0	121
<b>PERAK</b>	0	256
<b>SELANGOR</b>	2 (1)	1,930
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	3 (1)	905
<b>MELAKA</b>	0	233
<b>JOHOR</b>	0	676
<b>PAHANG</b>	1	362
<b>TERENGGANU</b>	0	111
<b>KELANTAN</b>	0	156
<b>SABAH</b>	0	348
<b>SARAWAK</b>	0	552
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	271	2,370
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	0	97
<b>W.P. LABUAN</b>	0	16
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>277 (2)</b>	<b>8,247</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import